

**TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

MAJLIS PELANCARAN PRODUK INOVASI KOMUNITI DESA MELOR

**23 JANUARI 2016 (SABTU)
DEWAN KOMUNITI DESA MELOR, SERENDAH, SELANGOR**

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis.

YBRS. ENCIK MOHD HANAPIAH BIN ABD RANI

Yang di-Pertua Persatuan Penduduk dan Penghuni Desa Melor;

YBRS. DR. JAMALUDDIN BIN SADI

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Desa Melor;

PENGERUSI SURAU AT TAQWA DESA MELOR;

KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN DAERAH HULU SELANGOR;

PENCIPTA INOVASI, DIF-DIF KEHORMAT, PARA JEMPUTAN;

**HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN SERTA SELURUH PENDUDUK
DESA MELOR.**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi atas kejayaan tuan-tuan dan puan-puan untuk menganjurkan majlis ini dengan jayanya serta telah dapat berkumpul di majlis yang mulia dan penuh bermanfaat ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada urus setia majlis kerana telah sudi untuk menjemput saya bagi merasmikan dan seterusnya melancarkan produk inovasi Komuniti Desa Melor ini. Saya amat teruja dan kagum dengan kesedaran komuniti di sini terhadap penghayatan elemen inovasi kerana telah berkerjasama

dengan padu untuk mengadakan aktiviti inovasi komuniti tanpa mengira latar belakang fahaman politik dan ideologi.

2. Saya juga amat berbangga apabila telah dimaklumkan bahawa Biro Teknologi dan Inovasi telah diwujudkan dalam Jawatankuasa KRT Desa Melor dan ianya telah diketuai oleh YBrs. Prof. Madya Ir. Dr. Abdul Talib bin Din yang merupakan seorang ahli penyelidik, ahli akademik dan juga seorang aktivis masyarakat. Saya percaya pengwujudan Biro seperti ini sejajar dan selari dengan fungsi dan peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam membina masyarakat yang bertamadun serta berminda kelas pertama berasaskan kepada ilmu sains, teknologi dan inovasi (STI).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya telah dimaklumkan bahawa penduduk Desa Melor telah berjaya mewujudkan satu sistem kawalan keselamatan 24 jam yang diberi sokongan sepenuhnya oleh semua penduduk melalui pembayaran yuran secara bulanan. Saya juga telah dimaklumkan bahawa terdapatnya elemen teknologi dan inovasi dalam sistem kawalan tersebut seperti palang automatik di pintu masuk utama dan penggunaan kad laluan Touch n' Go, walkie-talkie serta CCTV. AJK KRT Desa Melor juga bercadang untuk menambah lagi penggunaan teknologi dan inovasi dalam operasi kawalan serta infrastruktur keselamatan Desa Melor. Saya amat berharap agar lebih banyak desa-desa dan taman-taman perumahan untuk mengikut jejak langkah Desa Melor dalam menyediakan sistem kawalan keselamatan serta prasarana dan kemudahan yang berasaskan kepada teknologi dan inovasi pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Kerajaan Malaysia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada GLC dan Jabatan-Jabatan Kerajaan semata-mata untuk menggiatkan serta meningkatkan daya inovasi negara. Rakyat Malaysia juga perlu memainkan peranan dalam agenda STI negara melalui kerjasama

strategik sama ada secara langsung atau tidak langsung antara penyelidik dengan masyarakat.

5. Saya juga telah difahamkan bahawa produk inovasi yang bakal dipersembahkan sebentar lagi telah dicipta oleh Prof. Madya Ir. Dr. Abdul Talib bin Din yang saya kenali secara peribadi semasa saya berkhidmat di UTeM sebagai Timbalan Naib Canselor. Saya amat gembira apabila dimaklumkan bahawa idea bagi produk inovasi ini terhasil melalui garapan serta cetusan idea dari kalangan penduduk di sini semasa mereka sedang berehat secara santai di kedai makan.

6. Saya percaya inisiatif beliau untuk membawa teknologi dan inovasi ke dalam komuniti dan masyarakat merupakan salah satu bentuk pembudayaan inovasi yang berupaya untuk meningkatkan produktiviti dan juga berpeluang untuk memakmurkan ekonomi masyarakat setempat. Secara tidak langsung, ianya juga akan dapat meningkatkan penyebaran ilmu sains dan teknologi di kalangan penduduk serta memberi perangsang kepada generasi muda melalui pendedahan kepada teknologi dan inovasi dalam aplikasi prasarana di desa dan taman-taman perumahan. Persekitaran yang menggunakan aplikasi STI ini juga akan memberi rangsangan minda kepada generasi muda ini melalui pembentukan kecenderungan mereka untuk lebih meminati bidang STI sejak kecil lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Kita boleh melaksanakan proses inovasi dalam pelbagai aspek kehidupan, dari cara kerja kita seharian sehinggalah kepada aktiviti kitar semula terhadap bahan-bahan sisa terbuang. Melalui proses inovasi ini juga, kita boleh menjimatkan perbelanjaan harian seperti melaksanakan aktiviti mengitar semula sampah mesra alam untuk menjadi baja kompos, penuaian air hujan untuk kegunaan bukan minuman atau memasak seperti untuk kegunaan mencuci kereta dan menyiram pokok bunga, penggunaan tenaga hijau seperti cahaya matahari dan angin serta pengurangan kos bil elektrik melalui penggunaan lampu LED dan peralatan-peralatan elektrik yang cekap tenaga.

8. Untuk pengetahuan para hadirin dan hadirat sekalian, MOSTI telah menyediakan pelbagai geran untuk semua peringkat dan golongan masyarakat, dari penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan pusat-pusat penyelidikan sehinggalah kepada NGO dan komuniti serta kepada individu. Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru komuniti Desa Melor untuk memohon geran penyelidikan dan inovasi yang disediakan oleh MOSTI melalui kolaborasi dengan industri setempat serta pihak-pihak yang lain. Maklumat lanjut berhubung dana ini boleh diperolehi di laman sesawang rasmi MOSTI atau dengan mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai MOSTI di Putrajaya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Saya amat berharap Majlis Pelancaran Produk Inovasi ini akan menjadi pencetus dan sebagai titik permulaan bagi sesebuah komuniti untuk mengaplikasikan STI dalam kehidupan seharian mereka. Diharapkan juga pada masa mendatang, lebih banyak penciptaan produk-produk inovasi oleh penduduk Desa Melor akan dapat dihasilkan dan seterusnya dikomersialkan. Saya percaya dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan nilai ringgit yang terjejas teruk sejak kebelakangan ini, amalan membeli barangan buatan tempatan amatlah membantu untuk meningkatkan ekonomi dalam negara kita yang tercinta ini.

10. Bagi tidak melengahkan masa lagi, saya dengan sukacitanya merasmikan dan seterusnya melancarkan produk inovasi komuniti Desa Melor iaitu **“Mesin Pembersih Sampah Kecil dan Ringan serta Daun Luruh”** dan seterusnya mengisytiharkan Komuniti Desa Melor Serendah sebagai **“Desa Komuniti Berinovasi”**.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.